

ZAHARAH ZA'BA (1920–1988), penyiar dan wartawan. Nama sebenarnya ialah Zaharah Zainal Abidin. Dia lebih dikenal sebagai Zaharah Za'ba kerana menggunakan nama ayahnya, pendeta Za'ba. Dia lahir pada 26 Julai 1920 di Kuala Kangsar, Perak. Zaharah lulus Darjah Lima, Sekolah Melayu Kampung Baru, Kuala Lumpur (1926–1929) dan mendapat sijil School Certificate dari Sekolah Menengah Convent Bukit Nenas, Kuala Lumpur (1938). Kemudian dia mengikuti Kelas Normal di Sekolah King Edward VII, Taiping, Perak dan lulus sebagai pendidik pada tahun 1940.

Antara tahun 1940 hingga tahun 1941, Zaharah mengajar di Maktab Perguruan Melayu Melaka. Kemudian dia dilantik sebagai penyelia Sekolah-sekolah Melayu Perak Utara. Oleh sebab minatnya yang cukup mendalam dalam bidang penulisan dan kesusasteraan, dia bersara dari-pada tugasnya dan memulakan kerjayanya dalam bidang penyiaran. Pada bulan Jun 1946, dia bertugas sebagai juruhebah di Radio Malaya Singapura. Pada tahun 1955, dia terpilih untuk mengikuti kursus penyiaran di BBC London dan juga di New Zealand Broadcasting, Wellington (Februari 1961). Kursus pendek ini adalah di bawah Rancangan Colombo. Di samping mempelajari bidang drama radio dan siaran perdagangan, dia sempat mempelajari penerbitan siaran khusus untuk wanita. Semasa berkhidmat di Radio Malaya Singapura, dia pernah dilantik sebagai Pengelola dan Ketua Bahagian Melayu Radio Televisyen Singapura. Dia adalah wanita pertama yang memegang jawatan ini. Dia juga menterjemah buku-buku di Pejabat Pelajaran yang dikelolakan oleh ayahnya. Dia banyak menulis untuk radio dan akhbar dan pernah mengelolakan rancangan “Keluarga Si Comel” di Radio Malaya Singapura (1956–1961).

Pada 2 Januari 1974, Zaharah bersara daripada jawatannya dan berhijrah ke Kuala Lumpur. Sebagai menghargai jasa dan sumbangannya dalam bidang penulisan skrip drama Radio Televisyen Singapura (RTS), dia telah dianugerahkan Pingat Pentadbiran Awam Singapura. Di Kuala Lumpur, Zaharah aktif menghasilkan skrip drama radio bersiri yang bertajuk “Munira” dan “Selingkar Kisah” yang disiarkan pada tahun 1975, serta skrip drama radio untuk siri “No. 5, Persiaran Satu”. Dia juga turut menghasilkan skrip drama televisyen, *Mesra Murni*. Malah, dia pernah berlakon dalam beberapa buah drama.

Semenjak di Singapura lagi Zaharah aktif dalam



Foto: Ihsan Utusan Melayu (M) Berhad

Zaharah Za'ba

persatuan dan membuat kerja-kerja kebajikan. Dia pernah memegang jawatan Timbalan Yang Dipertua Persatuan Wartawan Melayu Singapura. Di Kuala Lumpur, dia bergiat dalam Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Tanah Melayu sebagai Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Penerangan semenjak tahun 1976. Dia pernah menjadi anggota sidang pengarang majalah *IBU* dan *Cahaya Lembaga*. Dia juga aktif dalam Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA). Dia juga berminat dalam perkembangan politik tanah air, khususnya semasa Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) ditubuhkan. Di akhir hayatnya, dia sedang menyiapkan sebuah buku tentang perjuangan ayahnya.

Zaharah meninggal dunia di Kuala Lumpur pada 22 Februari 1988.